

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 9 MAC 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 36

## OPR dijangka naik 25 mata asas, didorong tindakan Fed AS

### OPR dijangka naik 25 mata asas, didorong tindakan Fed AS

**PETALING JAYA:** Tindakan Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) menaikkan lagi kadar faedah sebanyak 25 mata asas kepada 4.75 peratus Februari lalu, bakal mempengaruhi keputusan mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) esok.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Penganalisis ekonomi Universiti Sains Islam Malaysia

(USIM), Prof. Madya Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd. Dali berkata, pihaknya menjangkakan Bank Negara Malaysia (BNM) bakal menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.0 peratus.

Menurut beliau, BNM tidak mempunyai pilihan selain menaikkan OPR bagi memastikan nilai mata wang tempatan

(Ringgit) tidak menyusut selain kehilangan pelabur asing.

“Secara teorinya apabila AS menaikkan faedah mereka kepada 4.75 peratus permintaan Dolar AS akan meningkat dan pelabur akan lebih mahu melabur ke AS sebab kadar faedahnya tinggi.

“Sedangkan kita di Malaysia kadar faedah masih kekal 2.75 peratus iaitu beza sehingga

dua peratus dan kerana itu saya menjangkakan BNM akan naikkan lagi OPR kepada 3.0 peratus,” katanya.

Ditanya sama ada kadar inflasi negara turut mempengaruhi tindakan BNM menaikkan OPR, Nuradli Ridzwan berkata, beliau tidak melihat perkara itu sebagai salah satu faktor utama.

“Inflasi kita sekarang bera-

da pada paras 3.3 peratus dan masih boleh dikatakan tidak terlalu tinggi jadi ia bukanlah faktor utama jika BNM hendak menaikkan OPR.

“Ia sebenarnya disebabkan faktor global yang memberi kesan kepada kita terutamanya nilai ringgit sekiranya OPR masih di tahap rendah berbanding AS,” katanya.